

04/06/2000

HamilTest memudahkan pengujian kehamilan

Habsah Dinin

PENGUJIAN kehamilan kini boleh dibuat dengan lebih mudah dan cepat. Menggunakan HamilTest keluaran Malaysian Bio-Diagnostic Research Sdn Bhd (MBDR), keputusan sama ada anda benar hamil atau tidak, boleh diperolehi dengan tepat dalam masa kurang lima minit.

HamilTest ialah alat pengujian kehamilan buatan Malaysia yang pertama dipasarkan di negara ini oleh anak syarikat Malaysia Technology Development Corporation (MTDC) dan dibangunkan oleh bahagian penyelidikan dan pembangunan (R&D) MBDR yang berpejabat di Pusat Teknologi Pintar UKM-MTDC, Bangi.

Pengarah Urusan MBDR, Ambok Chening Meri, ketika ditemui berkata, berdasarkan kajian pemasaran awalnya, alat pengujian kehamilan ini didapati mampu berdaya saing sebagaimana produk yang diimport yang banyak terdapat di rangkaian farmasi, hospital, pusat perubatan dan klinik di Malaysia.

"HamilTest dijual pada harga yang lebih murah berbanding produk import dan kami mahu pengguna yakin produk ini yang diiktiraf dari segi kesahihan dan keselamatan terutama pengguna yang beragama Islam dan oleh badan perubatan antarabangsa," katanya.

HamilTest kini dijual dalam dua elemen pengujian iaitu jenis kayu penguji dan kaset. Kedua-dua alat menggunakan sampel urin (air kencing) untuk mengesan kehadiran Human Chorionic Gonadotropin (HCG), iaitu hormon yang biasanya wujud di dalam kandungan air kencing apabila seseorang wanita itu mengandung.

Menurut Ambok, sejak dilancarkan pemasarannya oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tahun lalu, pihaknya menerima sambutan dan tempahan yang hebat daripada rangkaian hospital, klinik swasta dan farmasi dari seluruh negara.

"Malah kami juga membuka peluang kepada mereka yang berminat untuk menjadi pengedar HamilTest pada peringkat tempatan dan antarabangsa.

Ketika ini, HamilTest menerima banyak tempahan daripada rangkaian pengedar di China dan negara Asia Tenggara.

"Kami yakin dengan teknologi dan R&D setanding mutu antarabangsa yang ada di sini, HamilTest bakal menjadi pilihan utama pengguna yang memerlukannya," katanya.